

20 SEP 2003

Ali-Taman

MELAKA AGROPARK PRODUK PELANCONGAN TERBARU DI MELAKA

MELAKA, 20 Sept (Bernama) -- Melaka Agropark, produk pelancongan baru dalam sektor pelancongan pertanian, kini dibuka kepada orang ramai.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam berkata taman seluas 170 hektar ala Tropical Farm di Australia itu memberi peluang kepada pengunjung menikmati suasana tenang sambil samping menikmati buah-buahan yang segar.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat taman itu, beliau berkata selain buah-buahan, taman itu juga dilengkapi kawasan tanaman sayur-sayuran, ternakan kambing dan kraftangan.

Mulai hari ini hingga 7 Okt, pengunjung tidak dikenakan bayaran masuk kecuali jika membeli buah-buahan atau sayur-sayuran.

"Apa yang lebih menarik, sayur-sayuran dijual pada harga RM1 sebungkus manakala buah-buahan pula lebih murah berbanding harga pasaran," katanya.

Mohd Ali berkata semua jenis tanaman di situ menggunakan baja asli.

Beliau berkata kerajaan negeri yakin taman itu yang dilengkapi tasik untuk memancing, chalet, perkhidmatan trem dan basikal, mampu menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

Menurutnya tujuh pengusaha kini menjalankan operasi di taman itu yang diurus anak syarikat kerajaan negeri, Syarikat Pembangunan Pertanian Melaka.

"Kos bagi menaik taraf taman itu yang dulunya pusat latihan pertanian berjumlah kira-kira RM1 juta membabitkan pembinaan jalan, chalet dan beberapa kemudahan lain," katanya.

Mohd Ali juga berkata majlis perasmian taman itu dijangka akan disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Sept depan.

-- BERNAMA

MYD LAT